

"Orang Melayu tidak harus keliru kononnya sifat tidak baik yang terdapat di kalangan setengah-setengah masyarakat Islam itu berasaskan kepada ajaran agama Islam," kata beliau.

Perdana Menteri menegaskan Islam tidak menganjurkan umatnya supaya mempunyai sikap dan sifat yang tidak baik tetapi sebaliknya menghendaki mereka bersopan santun, berlaku adil dan toleran sebagaimana amalan umat Islam di negara ini sekarang.

Perdana Menteri menegaskan sifat suka berbalas dendam dan tabiat menentukan keadilan secara tersendiri bukanlah menjadi amalan masyarakat Islam khususnya masyarakat Islam di negara ini.

Beliau menekankan "memandangkan kepada kehendak Islam yang sebenar, maka di Malaysia di mana Islam menjadi agama rasmi dan orang Islam; memegang kuasa majoriti, dasar pemerintahan sentiasa memberi keutamaan kepada sikap toleransi dan keadilan terhadap semua.".

Kata Perdana Menteri, masyarakat Islam di Malaysia lebih cenderung mengamalkan sifat-sifat keislaman yang sebenar dan mementingkan bukan sahaja pemerintahan yang adil tetapi juga cara hidup berbudi, berdisiplin dan saling menghormati.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata memang ada tempat atau negara yang penduduknya Islam atau diperintah oleh orang Islam di mana orang Islam menunjukkan sikap kurang toleran atau suka bersengketa.

Jiran tetangga

"Mereka itu bukan sahaja tidak dapat berbaik-baik dengan masyarakat bukan Islam bahkan mereka juga berkelahi dan bunuh membunuh sesama Islam," katanya.

Perdana Menteri menegaskan keadaan sedemikian bukanlah hasil ajaran Islam, sebaliknya dari penyalahgunaan daripada asas-asas ajaran yang sebenar.

memang digalakkan oleh Islam.

Masyarakat umum sudah pasti akan memandang tinggi kepada agama; Islam dan menghormati umatnya jika mereka mendapati sifat baik-baik, toleran dan adil dalam pemerintahan serta bidang-bidang kehidupan dan pergaulan," katanya.

Perdana Menteri menegaskan hakikat tersebut lebih penting dan nyata lagi memandangkan kepada wujudnya anggapan dan yang tidak baik terhadap Islam kerana huru-hara dan lain-lain kejadian yang berlaku di setengah-setengah negara Islam akhir-akhir ini.

Beliau berkata jika terdapat sebarang sikap tidak toleran di kalangan orang Islam, ini bukanlah kerana ajaran agama Islam tetapi adalah tabiat dan nilai hidup masyarakat atau bangsa itu sendiri.

Katanya lagi, mungkin ada di antara orang Islam yang berpendapat bahawa pandangan clan pendapat orang lain terhadap Islam atau pun umatnya adalah tidak penting dan sebaliknya yang paling penting ialah membuat apa yang disuruh oleh Islam.

Perdana Menteri berkata soalnya ialah adakah yang dilakukan dan yang diamalkan itu benar-benar sebagaimana yang dianjurkan oleh agama suci Islam.

Katanya, "adalah mustahil bahawa satu agama yang sempurna dan dengan asas keadilan yang kukuh seperti agama Islam mengarah penganut-penganutnya melakukan perkara-perkara yang nyata tidak baik."

Perdana Menteri mengajak seluruh masyarakat Islam di negara ini memberi perhatian berat kepada amalan yang benar-benar